

Sidang Kemuncak Kuala Lumpur bukan ganti OIC

BH - 18/12/2019 m/s: 2

Inisiatif bincang hal ehwal, pemasalahan melanda umat Islam: PM

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad menjelaskan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 yang bermula hari ini, bukan bertujuan membentuk blok baharu atau untuk menggantikan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Perdana Menteri sebaliknya menegaskan, sidang kemuncak selama empat hari itu adalah medan perbincangan hal ehwal dan pemasalahan yang melanda umat Islam.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan semalam berkata, Perdana Menteri ingin membetulkan beberapa maklumat yang tidak tepat seperti yang dilaporkan di dalam *Pakistan Today* yang mendakwa, Dr Mahathir menyatakan persidangan itu bagi tujuan menggantikan OIC.

Katanya, Sidang Kemuncak Kuala Lumpur edisi kelima adalah inisiatif pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang disokong kerajaan Malaysia, bukan satu blok baru seperti yang dikritik beberapa pihak.

"Hari ini, orang Islam berhadapan penindasan; penahanan dan ditempatkan di kem tahanan; perang saudara yang me-



ngakibatkan kemusnahan negara yang membawa kepada penghijrahan besar-besaran umat Islam termasuk ke negara bukan Islam; kebangkitan Islamophobia dan amalan yang tidak rasional bertentangan dengan ajaran Islam yang masih diisytiharkan atas nama Islam," kata kenyataan itu.

Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 dianjurkan atas beberapa kebimbangan yang melanda umat Islam dan edisi tahun ini melampaui perbincangan dan perdebatan intelektual, kerana lebih memfokuskan kepada penca-

Sebagai negara kecil, Malaysia sedar akan batasan dan keupayaannya. Malaysia cuba menyumbang apa yang mampu untuk memperbaiki kebaikan ummah dan berdoa inisiatif itu diberkati Allah.

Kenyataan Pejabat Perdana Menteri

paian objektif dan pelaksanaan.

Persidangan itu juga dianjurkan atas kesedaran supaya tidak semua isu penting dan objektifnya difokuskan kepada kumpulan yang terlalu besar kerana dikhuatiri sukar dan mungkin gagal dilaksanakan sebelum ia bermula.

Malah, pemilihan negara-negara utama yang terbabit juga dibuat dengan tujuan khusus, tetapi senarai itu tidak menyeluruh apabila inisiatif itu dilaksanakan nanti.

Sidang Kemuncak ini cuba mencetuskan pendekatan baru dalam kerjasama ummah dan jika ia mampu mencapai sesuatu maka ia akan dapat dikemukakan kepada kumpulan Islam yang lebih besar.

"Justeru, hanya beberapa pemimpin negara mengambil bahagian tetapi Malaysia menjemput semua 56 negara Islam yang diwakili pelbagai peringkat pemimpin," katanya.

"Sebagai negara kecil, Malaysia sedar akan batasan dan keupayaannya. Malaysia cuba menyumbang apa yang mampu untuk memperbaiki kebaikan ummah dan berdoa inisiatif itu diberkati Allah," katanya.

Kenyataan itu juga memaklumkan, Dr Mahathir mendapat panggilan daripada Perdana Menteri Pakistan, Imran Khan kelmarin, yang menyatakan kekesalannya kerana tidak dapat menghadiri persidangan edisi kelima itu.

Bagaimanapun, Imran memaklumkan beberapa pemimpin Pakistan dijangka bercakap dan berkongsi pandangan mengenai keadaan dunia Islam pada persidangan itu.